

Headline **Langkah waspada**  
Date **04 Dec 2009**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **Faizatul Farlin Farush Khan**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **29**  
Article Size **177 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,806**  
PRValue **11,417**



# Langkah waspada

H1N1 global meningkat 95 peratus



**Faizatul Farlin Farush Khan**

**G** EORGETOWN: Malaysia kini mengambil langkah berjaga-jaga dalam perse- diaan menghadapi penu- laran virus maut selesema babi atau Influenza A (H1N1) ber- ikutan wabak itu mencatat pe- ningkatan membimbangkan 95 peratus di peringkat global.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (*gambar*), ber- kata semua pihak berkaitan di- arah mengambil langkah me- mantau dalam usaha membend- ung wabak itu yang kini me- landa negara di Hemisfera Se- latan dan Amerika Syarikat, da- ripada menular ke negara ini.

Beliau berkata, semua hospital di negara ini juga sudah di- lengkapi peralatan tambahan termasuk katil di bahagian Unit Rawatan Rapi (ICU).

“Sehingga kini, tiada laporan peningkatan virus berkenaan di kalangan penduduk negara ini, namun kami tetap mengambil

langkah berkesan bagi mengelak ia daripada berlaku.

“Seramai 6,617 kakitangan ba- risan hadapan yang bertugas di semua pintu masuk negara ini disuntik dengan vaksin H1N1,” katanya selepas merasmikan Per- sidangan HIV/Aids Kebangsaan Malaysia sempena Hari Aids Se-

dunia 2009 di sini, semalam.

Turut hadir, Penasihat Majlis Aids Kebangsaan, Datin Paduka Marina Mahathir; Pengarah Kes- ihatan Negeri, Datuk Dr Teh Lei Choo dan Pengerusi Persidangan HIV/Aids Kebangsaan Malaysia 2009, Profesor Madya Dr Ismail Baba.

Selain itu, Liow berkata, 589 pesakit dimasukkan ke hospital selepas didapati mempunyai ge- jala Influenza A.

